

Najib seru tukar sikap terhadap pesakit kusta

KUANTAN, Jumaat — Menteri Besar Pahang, Datuk Najib Tun Abdul Razak berpendapat kusta dapat dikawal dan dielakkan jika orang ramai menukar sikap mereka terhadap pengasingan pesakit itu dari masyarakat.

Katanya, penyakit itu boleh dirawat dan dipulihkan dengan bantuan perubatan moden.

Tetapi sebaliknya, ramai pesakit ini memencilkan diri mereka dari masyarakat dan enggan tampil untuk mendapatkan rawatan.

Berucap di majlis jumaan malam sempena mesyuarat agung Persatuan Perlindungan Kusta cawangan Pahang di sini

malam tadi beliau berkata:

"Pandangan orang ramai itu telah menghalang pihak berkenaan mendapat kerjasama sewajarnya untuk memulihkan mereka".

Pulihkan

Katanya, di bawah perkhidmatan perubatan sekarang, pesakit-pesakit yang sudah melarat dapat pulihkan melalui pembedahan plastik untuk membuang parut-parut jangkitan penyakit itu.

Katanya, penyakit itu mengambil masa untuk dipulihkan dan ada diantara mereka yang kuatir akan kehilangan jiwa

telah menghalang mereka mendapatkan rawatan.

Belliau menyeru Persatuan Perlindungan Sakit Kusta Malaysia (Malra) Pahang supaya memberi pendidikan kesihatan dan pemulihan penyakit itu.

Katanya, persatuan itu boleh menganjurkan kegiatan untuk mengubah sikap orang ramai, membantu keluarga pesakit dan pemulihan pesakit yang sudah dirawat.

Belliau gembira cawangan persatuan itu di Pahang telah dapat mengumpulkan kira-kira 200 orang ahli yang dianggap terbesar di seluruh negara berbanding dengan negeri-negeri lain.